

29 MAR 2001

Mahathir-Rundingan

ARROYO BERTERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

MANILA, 29 Mac (Bernama) -- Presiden Filipina, Gloria Arroyo hari ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menganjurkan rundingan pada minggu lepas yang membolehkan dialog keamanan antara Manila dan pejuang Moro disambung semula.

"Bantuan beliau boleh diibaratkan sebagai tindakan kenegarawanan bagi pihak sebuah negara dan penduduk yang kami anggap sebagai saudara kami," kata beliau dalam satu kenyataan rasmi.

Pesuruh khas Arroyo dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) mengadakan pertemuan sulit di Kuala Lumpur di bawah naungan Dr Mahathir dan Jabatan Perdana Menteri.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk menghidupkan semula rundingan keamanan yang terhenti tahun lalu selepas bekas presiden Filipina, Joseph Estrada mengarahkan perang habis-habisan terhadap puak pemisah di Mindanao.

MILF pada waktu yang sama menggugurkan syarat-syarat untuk rundingan itu diteruskan seperti kubu-kubunya yang ditawan oleh tentera kerajaan dalam gerakan itu dipulangkan.

Menteri Kewangan dan Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin menyaksikan kedua-dua pihak menandatangani perjanjian semasa pertemuan itu di Kuala Lumpur.

Arroyo menyatakan penghargaannya kepada Dr Mahathir kerana membantu Filipina dalam usaha mencapai keamanan berterusan di Mindanao.

Beliau menyifatkan hasil rundingan di Kuala Lumpur sebagai satu "pencapaian besar" yang akan menghidupkan semula proses keamanan di Mindanao.

"Biar saya kata ini: tidak lagi saudara Islam kita mempunyai alasan untuk menentang atau mencari kemerdekaan atau pemisahan," katanya.

-- BERNAMA

ALJ ZS PR